

CNS8055

R GB 12-10 00167 BA507

BAH

KEMUDAHAN BARU UNTUK KAKITANGAN AWAM
Mahathir - Kemudahan

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Tempoh pemberian taraf berpencen kepada kakitangan kerajaan dikurangkan daripada 10 tahun kepada tiga tahun dalam Sistem Saraan Baru (SSB) yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Kemudahan lain termasuk membenarkan anggota perkhidmatan kerajaan yang telah disarakan atas sebab kesihatan berkhidmat semula setelah disahkan sembuh sepenuhnya, kata Datuk Seri Dr Mahathir pada persidangan akhbar di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Katanya, syarat lulus Peperiksaan Am Kerajaan bagi kakitangan awam akan digantikan dengan kursus induksi manakala faedah persaraan akan dikekalkan dan mereka yang bersara secara pilihan pada umur 40 tahun akan terus dibayar ganjaran dan gantian cuti rehat.

Selaras dengan konsep masyarakat penyayang, kerajaan akan memberikan kemudahan kepada kakitangan kerajaan mendapatkan kemudahan perubatan bagi ibu bapa mereka di hospital, katanya.

Kerajaan juga akan memberikan perbelanjaan pengurusan jenazah bagi anggota yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan, katanya. -- Lagi.

♥12/10/17-01MST

CNS8057

U GB 12-10 00117 BA508

BAH

Mahathir - Kemudahan 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kemudahan cuti menjaga anak dan cuti menguruskan isteri bersalin selama tiga hari, akan juga diperkenalkan di bawah sistem saraan baru itu yang berkuatkuasa 1 Januari.

+Kita harap janganlah lebih lima kali,+ katanya secara berseloroh ketika ditanya syarat mendapatkan kemudahan cuti itu.

Katanya, kemudahan pinjaman membeli komputer akan juga diperkenalkan bagi menggalakkan penggunaan komputer di kalangan kakitangan kerajaan manakala kemudahan menganggotai kelab-kelab rekreasi akan disediakan bagi mereka yang berkenaan.

Katanya, bantuan bayaran letak kereta akan juga diberikan kepada kakitangan dan pegawai yang menggunakan kenderaan untuk sesuatu tugas tetapi perlu membayar untuk tempat letak kereta. -- Bernama.

♥12/10/17-04MST